



A 7

# Academic Journal UiTM Pulau Pinang

ISSN 1675-7939

Mohamad Abdullah Hemdi

Ng Set Foong  
Low Heng Chin  
Quah Soon Hoe

Shaira Ismail

Mah Boon Yih

Che Khairil Izam Che Ibrahim  
Abdul Rahman Ayub  
Nadira Ahzahar  
Siti Hafizan Hassan

Zulkifli Dahalan  
Wahairi Mahmud

Rahimin Affandi Abd Rahim  
Nor Adina Abdul Kadir  
Ahmad Faisal Abdul Hamid  
Zulkifli Dahalan

Hoe Foo Terng  
Cheun Heng Huat  
Ho Wee Chee

# CH2 - H2O

**EDITORIAL BOARD**  
**ESTEEM VOLUME 5, NUMBER 2, 2009**  
**Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang**  
**SCIENCE & TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES**

**ADVISORS**

Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah  
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

**PANEL REVIEWERS**

Assoc. Prof. Dr. Foo Fong Lian (*Universiti Teknologi MARA*)  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Salehuddin Mohd Zahari (*Universiti Teknologi MARA*)  
Assoc. Prof. Dr. Normala Daud (*Universiti Teknologi MARA*)  
Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)  
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)  
Dr. Norhayuza Mohamad (*Universiti Teknologi MARA*)  
Dr. Sarminah Samad (*Universiti Teknologi MARA*)  
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)  
Sofwan Hasbullah (*Universiti Teknologi MARA*)  
Assoc. Prof. Ir. Dr. Md. Azlin Md. Said (*Universiti Sains Malaysia*)  
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)  
Assoc. Prof. T. Ramayah (*Universiti Sains Malaysia*)  
Dr. Aziah Ismail (*Universiti Sains Malaysia*)  
Dr. Farid Ezanee Mohamed Ghazali (*Universiti Sains Malaysia*)  
Dr. Muhammad Azizan Sabjan (*Universiti Sains Malaysia*)  
Dr. Noor Hazlina Ahmad (*Universiti Sains Malaysia*)  
Dr. Ong Hong Choon (*Universiti Sains Malaysia*)  
Assoc. Prof. Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (*Universiti Malaya*)  
Dr. Ahmad Zuhdi Ismail (*Universiti Malaya*)  
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)  
Dr. Nor 'Azzah Kamri (*Universiti Malaya*)  
Dr. Siti Arni Basir (*Universiti Malaya*)  
Assoc. Prof. Dr. Latifah Amin (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)  
Dr. Hj. Adnan Yusopp (*Universiti Putra Malaysia*)

**CHIEF EDITOR**

Mohd Aminudin Murad

**MANAGING EDITOR**

Hoe Foo Terng

**PANEL EDITORS**

Baderisang Mohamed  
Lim Teck Heng  
Liaw Shun Chone

Ahmad Khair Mohd Nor  
Zuraidah Jantan

Copyright © 2009 by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

*Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.*

*The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.*



# ESTEEM

## Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

### *Foreword*

iii

1. Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model  
Mohamad Abdullah Hemdi 1
2. A New Estimator and its Performance  
Ng Set Foong  
Low Heng Chin  
Quah Soon Hoe 21
3. The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry  
Shaira Ismail 39
4. The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning  
Mah Boon Yih 61
5. Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms  
Che Khairil Izam Che Ibrahim  
Abdul Rahman Ayub  
Nadira Ahzahar  
Siti Hafizan Hassan 71
6. Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam  
Zulkifli Dahalan  
Wahairi Mahmud 93
7. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah  
Rahimin Affandi Abd Rahim  
Nor Adina Abdul Kadir  
Ahmad Faisal Abdul Hamid  
Zulkifli Dahalan 115

8. Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli Hoe Foo Terng Cheun Heng Huat Ho Wee Chee	149
9. The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English Cheang Eng Kwong	165
10. Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian Che Haslina Abdullah Zulkefli Mohamad Siti Khalijah Majid Saharani Abdul Rashid	183
11. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina Roshaimizam Suhaimi Jasni Sulong	201
12. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih Zulkifli Dahalan	215
13. Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Peridah Bahari Fatimah Bahari	231
14. Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik? Mohd. Hapiz Mahaiyadin Khaliff Mu'ammam A. Harris	241
15. Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam Halipah Hamzah	257



## Foreword

*Alhamdulillah.* Firstly, I would like to express my thanks and congratulations to the Editorial Board of *Esteem Academic Journal* of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang for their diligent work in helping to produce this second issue of volume 5. I also would like to thank the reviewers for the excellent vetting of the manuscripts. A special thanks to University Publication Centre (UPENA) of UiTM for giving us this precious opportunity to publish twice this year. In this bilingual science & technology and social sciences issue, similar to the first issue we managed to invite more reviewers from our university as well as other universities in Malaysia. In the near future, we will approach and invite more international reviewers to be in the Editorial Board in order to internationalize our journal. Again, this current issue remarks a new height of the journal standard.

In this issue, we have compiled another 15 interesting articles. The first article is entitled “Service Employees’ Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model” written by Mohamad Abdullah Hemdi. The author makes an attempt to investigate the relationship between information system quality, perceived ease of use, perceived ease of usefulness and attitude towards use by adopting an extended technology acceptance model (TAM). This article also presents theoretical and practical contributions for hotel managers and hotel information system (HIS) practitioners in order to increase frontlines acceptance of HFOS. The second article by Ng Set Foong, Low Heng Chin and Quah Soon Hoe proposed a new estimator as an alternative of the Ordinary Least Squares Estimator for linear regression model. This new estimator is shown to have a reduction in mean squared error compared to the mean squared errors of the special case of Liu-type estimator and the Ordinary Least Square Estimator under certain conditions.

Shaira Ismail in her article studies the elements of business strategy for surviving in the franchising industry. The author concluded that the firm’s competitive advantages need to be explored and defined as a blueprint for business strategic planning. The extremely important factors contributing to a company’s competitive advantage are in relations to customers and products. The fourth article by Mah Boon Yih is primarily concerned about how the learner’s existing linguistic knowledge influences the course of English language development among Chinese ESL learners.

The use of English language presented in the form of written work from the samples of 12 students has manifested itself the impact of their L1 (Chinese) transfer in their second language acquisition.

The fifth article by Che Khairil Izam Che Ibrahim et al. surveyed the awareness on analyzing major determinants of goals and benefits in international construction market. Findings indicate that as Malaysian construction firms go international, determination of a firm's basic goals and long term benefits is a really important aspect in exploring international construction projects. Zulkifli Dahalan and Wahairi Mahmud in their article entitled "Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam" discuss how managing changes can strengthen an organization, in a way that is in accordance to Islam. Leaders play important role since the success of an organization depends on the leaders' ability to manage the changes.

Rahimin Affandi Abd Rahim et al. focused on the review of the development of Islamic science and technology framework in public universities. The authors concluded that the process and move in developing Islamic science and technology framework in universities is still a distant away from reaching its target. The eighth article by Hoe Foo Terng, Cheun Heng Huat and Ho Wee Chee looks into the problems and difficulties in learning phrases and sentences in Mandarin language among non-Mandarin spoken students as well as the causing factors and the strategies to overcome the problems. The results show that students always make Mandarin grammar mistakes due to the influence of their mother tongue language, mistakes by opposing the logical, chronological or time, or carelessness.

The article entitled "The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English" by Cheang Eng Kwong highlights the factors that contribute to the poor proficiency of spoken English among the diploma students in UiTM Pulau Pinang. The results of the study concluded that both internal and external factors have resulted in the poor use of spoken English among the students. The tenth article by Che Haslina Abdullah et al. is a result of a research on the students' perception on lecturers teaching Islamic Studies course. The results indicated a high percentage of students agree that the Islamic Studies lecturers have higher credibility.

The eleventh article by Roshaimizam Suhaimi and Jasni Sulung entitled "Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina" emphasizes on Ibn Sina's contributions in medical or medicine knowledge as well as the everlasting Islamic medical knowledge that is still being used until today although his name has not been properly recognized and acknowledged



by the West. Zulkifli Dahalan's article entitled "Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih" concentrates on the Islamic learning process and curriculum in selected kindergarten or preschool. The authors monitor the total learning hours for Islamic Studies course and other courses and suggested Islamic Studies course to be as a part of the preschool curriculum.

The article entitled "Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM" by Peridah Bahari and Fatimah Bahari discusses the role of lecturers in the development of higher learning as well as to enhance the quality of teaching. The fourteenth article discusses the conflict between Islamic civilization and Western civilization. The authors, Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khaliff Mu'ammam A. Harris suggested that the Islamic civilization could coexist with the Western if the West is able to understand Islam and the Muslim society. However, the full understanding is difficult to achieve since Islam civilization is concerned about revealing the truth while the Western civilization is about concealing the truth. The last article entitled "Kedudukan Para Nabi, Malaikat, Jin dan Iblis Menurut Pemikiran Islam" written by Halipah Hamzah looks into the position of *nabi*, *malaikat*, *jin* and *iblis* from an Islamic point of view.

Mohd Aminudin Murad

*Chief Editor*

Esteem, Vol. 5, No. 2, 2009

(Science & Technology and Social Sciences)

# Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam

*Halipah Hamzah*

*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)*

*Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia*

*Emel: shalipah@ppinang.uitm.edu.my*

## ABSTRAK

*Alam ini sama ada alam nyata atau alam ghaib memiliki penghuni. Semua penghuni ini mempunyai peranan, tanggungjawab dan tugas tersendiri. Para malaikat dan jin antara makhluk Allah di alam halus berbanding manusia yang merupakan makhluk kasar. Pelbagai persoalan sering diperbincangkan oleh para sarjana dan ulama Islam mengenai makhluk Allah ini. Antaranya mengenai makhluk termulia antara nabi dan malaikat, iblis daripada golongan jin atau malaikat, peranan malaikat dalam medan perang dan lain-lain. Hasil daripada pandangan yang diutarakan oleh para sarjana dan ulama Islam ini menjadikan umat Islam lebih memahami dan menghayati tentang persoalan tersebut. Di samping itu pemikiran yang diperincikan oleh para ulama dan sarjana Islam dapat membantu generasi pada hari ini dalam mencetuskan idea serta memberi panduan dan bimbingan dalam mengharungi liku-liku hidup.*

**Kata kunci:** *nabi, malaikat, jin, makhluk halus, makhluk kasar*

## Pendahuluan

Allah Yang Maha Berkuasa telah menciptakan alam ini begitu indah sekali. Dalam alam ini sama ada alam zahir atau alam ghaib terdapat penghuni-penghuninya, masing-masing mempunyai tugas dan peranan yang perlu dilaksanakan. Sebagai seorang umat Islam kita perlu mempercayai dan meyakini tentang perkara-perkara ini terutamanya mengenai alam ghaib kerana ianya berkait rapat dengan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah. Allah telah mengutuskan para nabi dan rasul



untuk membimbing serta memberitahu kepada umat Islam mengenai hal ini. Mereka adalah manusia yang dipilih oleh Allah untuk menerima wahyu dan menyampaikan perkhabaran kepada umat manusia.

Dalam alam ini Allah telah menciptakan makhluk kasar dan makhluk halus. Makhluk kasar dapat dilihat dan disentuh oleh pancaindera, contohnya manusia. Manakala makhluk halus tidak dapat dilihat oleh mata atau disentuh pancaindera, contohnya malaikat dan jin. Terdapat pelbagai persoalan yang dibincangkan oleh para ulama pemikir Islam mengenai kedudukan atau status para nabi, malaikat dan jin. Di antaranya ialah: Siapakah makhluk yang paling mulia di antara nabi dan malaikat? Adakah iblis daripada golongan malaikat atau jin? Apakah peranan yang dimainkan oleh malaikat dalam peperangan? Pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana dan ulama Islam penting untuk tatapan umat Islam kerana dapat melahirkan individu berfikiran terbuka, mencetuskan percambahan fikiran, mengenal pasti antara ajaran Islam dengan ajaran asing dan sebagainya.

## **Nabi**

Perkataan nabi dalam bahasa Melayu berasal daripada perkataan Arab *al-nabiyy*. Dalam bahasa Arab, perkataan nabi diambil daripada pecahan perkataan *al-naba'* bererti perkhabaran atau berita (Ibn Durayd, 1932; Ibn Manzur, 1955). Perkataan nabi dalam bahasa Arab juga adalah ambilan daripada pecahan perkataan *al-nabwah* atau *al-nabawah* yang bererti ketinggian daripada sekalian isi bumi (Ibn Manzur, 1955). Juga dikatakan berasal daripada perkataan *al-nubuwwah* dengan pengertian yang sama (Ibn Durayd, 1932). Dari segi bahasa dapat disimpulkan bahawa maksud perkataan nabi merujuk kepada individu yang merupakan penyampai berita dan individu yang memiliki kedudukan yang mulia dan tinggi.

Ulama Islam berselisih pendapat mengenai pengertian nabi dari segi istilah disebabkan perbezaan mereka daripada sudut pemerhatian dan pemahaman di antara satu sama lain. Secara umumnya pendapat-pendapat mereka dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pendapat pertama, 'Ali Ibn 'Ali Ibn Abi al-'Izz Ahmad Ibn Muhammad al-Tahawi (m. 321/935) menyatakan perkataan nabi bermaksud individu yang diberitahu oleh Allah mengenai berita-berita dari langit dan mereka tidak diperintahkan untuk menyampaikan berita tersebut kepada orang lain (al-Tahawi, 1983). Ahmad Ibn 'Abd al-Wahab al-Sya'rani (m. 973/1565) berpendapat perkataan nabi dirujuk kepada individu yang

disampaikan kepadanya sesuatu perkara dan perkara tersebut hanya untuk dirinya sendiri secara khusus serta dilarang daripada menyampaikannya kepada orang lain (al-Sya'rani, 1959).

Kumpulan pendapat kedua, Abu Qasim Jar Allah Mahmud Ibn 'Omar al-Zamakhshari, (m. 538/1144) menjelaskan perkataan nabi bererti individu yang tidak diberikan kitab dan beliau hanya diperintah untuk menyeru manusia supaya mengikut syariah yang terdahulu daripadanya (al-Zamakhshari, 1987). Abu Muhammad Ibn 'Umar Ibn Muhammad Ibn 'Ali al-Baydawi (m. 685/1286) pula mengatakan perkataan nabi merujuk kepada individu yang tidak diberikan kitab dan dia hanya diutus untuk meneruskan syariah para nabi yang terdahulu daripadanya (Al-Baydawi, t.t.). 'Abdullah Ibn Ahmad al-Nasafi (m. 710/1310) bersependapat dengan al-Zamakhshari dengan tambahan bahawa kedudukan nabi hanya sebagai pemelihara syariah yang dibawa oleh para nabi lain (al-Nasafi, 2000). Pengertian nabi menurut pendapat kumpulan ini jelas tidak selari dengan keterangan di dalam al-Quran terutamanya mengenai kaitan di antara perkataan *al-nubuwwah*, *al-kitab* dan *al-hukm* kerana dalil-dalil al-Quran menunjukkan bahawa para nabi juga menerima kitab.

Kumpulan pendapat ketiga, Abu Mansur 'Abd al-Qahir Ibn Tahir al-Tamimi al-Baghdadi (m. 429/1037) menerangkan perkataan nabi bermaksud individu yang diberikan wahyu oleh Allah melalui perantaraan malaikat yang ditugaskan untuk menyempurnakan penyampaian wahyu kepada nabi tersebut (al-Baghdadi, 1980). Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Qurtubi (m. 671/1273), 'Ala'ud-Din Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn al-Khazin al-Baghdadi (m. 741/1341) dan Fakhr al-Din al-Razi (m. 606/1209) berpendapat nabi adalah individu yang menerima tanggungjawab kenabiannya melalui mimpi atau ilham (al-Qurtubi, 1952; al-Khazin, 1995; al-Razi, 1978). Muhammad Husayn al-Tabataba'i (m. 1402/1982) menerangkan nabi bererti individu yang melihat malaikat di dalam mimpinya dan dapat mendengar suaranya tetapi tidak dapat melihat malaikat dalam keadaan sedar (al-Tabataba'i, 1973).

Abu Bakar Jabir al-Jazairi (m. 1420/1999) menyatakan nabi ialah seorang lelaki daripada jenis manusia yang disampaikan kepadanya wahyu Ilahi yang mengandungi sesuatu perintah. Jika beliau diperintahkan untuk menyampaikan wahyu itu kepada orang lain maka jadilah beliau seorang nabi dan rasul sekaligus, sekiranya tidak maka jadilah beliau hanya sebagai seorang nabi sahaja. Setiap rasul adalah nabi dan bukanlah setiap nabi itu adalah rasul. Di antara ciri-ciri kelayakan untuk menyandang pangkat nabi dan penerima wahyu Ilahi ialah kemuliaan keturunan, faktor masa dan ciri-ciri yang terdapat pada para nabi seperti



jujur dan benar, bersih dan amanah, menyampaikan serta kecerdasan mental (al-Jazairi, 1986).

Berdasarkan kepada nas, ciri-ciri seorang nabi atau rasul ialah kemanusiaan, laki-laki, tapisan dan pilihan Allah, semata-mata kurniaan Ilahi, wahyu dan ciri seruan kepada satu agama iaitu agama Allah (Mohd. Sulaiman bin Hj. Yasin, 1997). Nabi merupakan individu yang suci fitrah dan bersih tabiatnya. Dia membimbing manusia kepada kebijaksanaan dan mendahului manusia lain dalam mengamalkan sesuatu yang diperintah oleh Allah. Seluruh hidupnya adalah kebenaran, amanah, kehormatan, keikhlasan yang mulia, fikiran yang tinggi dan maruah yang agung.

Adam as yang diangkat oleh Allah darjatnya telah dijadikan rasul yang pertama di bumi dan diperintahkan untuk mengajarkan Islam kepada zuriatnya. Hanya zuriatnya yang soleh mentaati dan berpegang kepada petunjuknya. Tatkala manusia melupakan Allah sebagai Tuhan, mereka turut melupakan agama yang telah dibawa dan diajar oleh Nabi Adam as. Justeru itu Allah telah mengutus para nabi dan rasul kepada umat manusia untuk memberi peringatan kepada mereka mengenai ajaran yang telah diturunkan sebelumnya kepada Nabi Adam as (Abu'l A'la al-Maududi, 1988).

Menurut 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Khaldun (m. 808/1406), kecenderungan rabbaniah pada diri para nabi atau pesuruh Allah ini adalah lebih kuat berbanding dengan yang terdapat pada manusia lain dalam hal kekuatan persepsi, kekuatan berhasrat yang berupa hawa nafsu dan perasaan marah serta seluruh keadaan badaniahnya. Pengaruh Allah menjauhkan diri mereka daripada sesuatu yang bersifat manusiawi kecuali yang menjadi keperluan asas untuk hidup. Mereka mengabdikan diri terhadap persoalan yang bersifat rabbani seperti beribadah dan memuji-muji kebesaran Allah. Mereka juga mencurahkan segala-galanya mengenai Allah dan menyampaikan wahyu untuk dijadikan panduan kepada umatnya yang taat. Mereka melaksanakannya mengikut kaedah khusus dengan cara yang dimaklumi oleh mereka serta tidak melalui perubahan di dalamnya dan seperti suatu pendedahan semula jadi yang dianugerahkan Allah kepada mereka (Ibn Khaldun, t.t.).

Al-Quran menerangkan bahawa Muhammad SAW adalah *khatamun nabiyyi* iaitu nabi yang terakhir dan tiada lagi nabi selepasnya. Firman Allah yang bermaksud:

*Muhammad itu bukanlah bapa daripada seseorang di antara kamu, tetapi dia adalah utusan Allah dan penutup para nabi. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.*

(al-Ahzab: 40)

Ayat ini menjelaskan bahawa silsilah kenabian terhenti pada diri Nabi Muhammad SAW (Abu'l A'la al-Maududi, 1986). Seseorang nabi tidak diutuskan kepada umat manusia kecuali disebabkan oleh salah satu daripada tiga faktor. Pertama, pengajaran nabi yang terdahulu telah menjadi kabur dan manusia amat memerlukan kehadiran seorang nabi. Kedua, pengajaran nabi terdahulu belum sempurna dan perlu disempurnakan. Ketiga, pengajaran nabi terdahulu terbatas kepada umat yang khusus padahal umat lain juga berhajat kepada perutusan nabi. Dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW, seluruh ajaran terdahulu telah disempurnakan oleh Baginda SAW. Justeru itu, sesuai dengan keterangan Allah mengenai tiada lagi nabi selepas Baginda SAW. Dunia hari ini memerlukan tokoh-tokoh yang mengikut jejak langkah Nabi Muhammad SAW. Mereka inilah yang akan menyeru manusia untuk mengikuti dan mendirikan kedaulatan undang-undang yang dibawa oleh Nabi Muhammad di muka bumi ini (Abu'l A'la al-Maududi, 1988).

## **Malaikat**

Di atas alam manusia terdapat alam spiritual. Ini dibuktikan oleh pengaruh-pengaruhnya terhadap kita dengan kekuatan persepsi dan kehendak yang diberikannya kepada kita. Esensi alam spiritual merupakan persepsi murni dan pemikiran mutlak, iaitulah alam para malaikat (Ibn Khaldun, t.t.). Asal perkataan malaikat ialah *ma' lakun* daripada istilah *al-'uluk* yang bermaksud utusan. Istilah ini diubah kepada *mallakun* dan *malak* (Ibn Manzur, 1955). Malaikat disucikan daripada kesyahwatan haiwan, terhindar dari keinginan hawa nafsu serta terjauh daripada perbuatan dosa dan salah. Mereka tidak seperti manusia yang makan, minum, tidur, mempunyai jantina lelaki atau wanita. Sememangnya mereka mempunyai suatu alam tersendiri, berdiri dalam bidangnya dan bebas menurut hal ehwalnya sendiri. Mereka juga mempunyai kekuasaan untuk menjelma dalam rupa manusia atau lain-lain bentuk yang dapat dicapai oleh rasa dan penglihatan (Ab. Aziz Mohd Zin, 1995). Firman Allah maksudnya:

*Dan ceritakanlah (Muhammad) kisah Maryam di dalam Kitab (al-Quran) (iaitu) ketika dia mengasingkan diri daripada keluarganya ke suatu tempat di sebelah timur (Baitulmaqdis). Lalu dia memasang tabir (yang melindunginya) daripada mereka, lalu Kami mengutus roh Kami (Jibril) kepadanya, maka*

*dia menampakkan diri di hadapannya dalam bentuk manusia yang sempurna.*

(Maryam: 16-17)

Allah mencipta malaikat daripada cahaya sebagaimana Dia mencipta Nabi Adam as daripada tanah dan jin daripada api. Malaikat diciptakan lebih dahulu daripada manusia. Sebelum manusia diciptakan, Allah telah memberitahu kepada seluruh malaikat bahawa manusia akan diciptakan untuk dijadikan sebagai khalifah di atas muka bumi (Ibn Kathir, t.t.).

Tabiat malaikat adalah berbakti kepada Allah, tunduk dan patuh kepada kekuasaan dan keagungan-Nya, melaksanakan semua perintah-Nya serta turut mengatur hal ehwal alam semesta ini mengikut Kehendak dan Iradah Allah. Malaikat tidak berkuasa melakukan sesuatu berdasarkan kepada kemahuannya sendiri (Abu'l A'la al-Maududi, 1986; al-Jazairi, 1986). Firman Allah bermaksud:

*Mereka takut kepada Tuhan yang (berkuasa) di atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka).*

(an-Nahl: 50)

Malaikat bersih daripada sifat kemanusiaan, takut kepada Allah, sentiasa taatkan Allah, kasih kepada orang yang kasihkan Tuhannya, mendoakan orang beriman dan mengutuk sesiapa yang dilaknati Allah serta berbeza-beza di dalam bentuk kejadian mereka masing-masing (al-Jazairi, 1986). Terdapat perbezaan dalam penciptaan malaikat sebagaimana perbezaan mereka dalam kedudukan, pangkat dan seumpamanya yang hanya diketahui dan dimaklumi oleh Allah. Dalam surah *al-Fathir* ayat 1, Allah menjelaskan bahawa Dia menciptakan malaikat berupa makhluk yang bersayap dan di antaranya ada yang bersayap dua, tiga, empat dan ada yang lebih daripada itu. Semua ini menunjukkan nilai dan berbeza pangkat di sisi Allah SWT, serta berkaitan dengan kekuasaannya sama ada cepat atau lambat dalam berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain melaksanakan perintah-perintah Allah dan menyampaikan risalah-Nya.

Di samping melaksanakan tugas dalam alam semesta dan yang berkaitan dengan manusia, malaikat juga mempunyai pekerjaan tersendiri dalam alam roh. Di antara tugas malaikat dalam alam roh ialah bertasbih serta patuh dan tunduk sepenuhnya kepada Allah, memikul 'Arasy, memberi salam kepada ahli syurga (Ibn Kathir, t.t.), menyeksa ahli neraka (Amiruddin Patih, 1996) dan menjaga langit pertama hingga ketujuh (Zainudin Yusro, 1996). Manakala tugas malaikat dalam alam dunia dan

*dia menampakkan diri di hadapannya dalam bentuk manusia yang sempurna.*

(Maryam: 16-17)

Allah mencipta malaikat daripada cahaya sebagaimana Dia mencipta Nabi Adam as daripada tanah dan jin daripada api. Malaikat diciptakan lebih dahulu daripada manusia. Sebelum manusia diciptakan, Allah telah memberitahu kepada seluruh malaikat bahawa manusia akan diciptakan untuk dijadikan sebagai khalifah di atas muka bumi (Ibn Kathir, t.t.).

Tabiat malaikat adalah berbakti kepada Allah, tunduk dan patuh kepada kekuasaan dan keagungan-Nya, melaksanakan semua perintah-Nya serta turut mengatur hal ehwal alam semesta ini mengikut Kehendak dan Iradah Allah. Malaikat tidak berkuasa melakukan sesuatu berdasarkan kepada kemahuannya sendiri (Abu'l A'la al-Maududi, 1986; al-Jazairi, 1986). Firman Allah bermaksud:

*Mereka takut kepada Tuhan yang (berkuasa) di atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka).*

(an-Nahl: 50)

Malaikat bersih daripada sifat kemanusiaan, takut kepada Allah, sentiasa taatkan Allah, kasih kepada orang yang kasihkan Tuhannya, mendoakan orang beriman dan mengutuk sesiapa yang dilaknati Allah serta berbeza-beza di dalam bentuk kejadian mereka masing-masing (al-Jazairi, 1986). Terdapat perbezaan dalam penciptaan malaikat sebagaimana perbezaan mereka dalam kedudukan, pangkat dan seumpamanya yang hanya diketahui dan dimaklumi oleh Allah. Dalam surah *al-Fathir* ayat 1, Allah menjelaskan bahawa Dia menciptakan malaikat berupa makhluk yang bersayap dan di antaranya ada yang bersayap dua, tiga, empat dan ada yang lebih daripada itu. Semua ini menunjukkan nilai dan berbeza pangkat di sisi Allah SWT, serta berkaitan dengan kekuasaannya sama ada cepat atau lambat dalam berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain melaksanakan perintah-perintah Allah dan menyampaikan risalah-Nya.

Di samping melaksanakan tugas dalam alam semesta dan yang berkaitan dengan manusia, malaikat juga mempunyai pekerjaan tersendiri dalam alam roh. Di antara tugas malaikat dalam alam roh ialah bertasbih serta patuh dan tunduk sepenuhnya kepada Allah, memikul 'Arasy, memberi salam kepada ahli syurga (Ibn Kathir, t.t.), menyiksa ahli neraka (Amiruddin Patih, 1996) dan menjaga langit pertama hingga ketujuh (Zainudin Yusro, 1996). Manakala tugas malaikat dalam alam dunia dan

yang berkaitan dengan manusia pula termasuklah mengirinkan angin dan udara, mengiring awan, menurunkan hujan, menumbuhkan tumbuhan (Amiruddin Patih, 1996), mengilhamkan kepada manusia kebaikan dan kebenaran, berdoa untuk orang-orang mukmin, hadir dalam solat Subuh dan Asar, turun sewaktu ada bacaan al-Quran, hadir dalam majlis zikir, mengelilingi dunia, bertugas pada hari Jumaat, memohon rahmat untuk kaum mukmin serta para ilmuwan dan lain-lain lagi yang tidak dapat dilihat oleh mata serta tidak mungkin boleh dicapai oleh pancaindera yang lainnya. Mereka sentiasa bersama manusia sepanjang waktu sama ada semasa hidup ataupun mati (Amiruddin Patih, 1996; Zainudin Yusro, 1996).

Manusia perlu mengetahui dan meyakini bahawa jumlah malaikat tidak terhingga banyaknya. Dunia ini dipenuhi dengan para malaikat (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1995). Sebagai umat Islam kita wajib beriman dengan kewujudan malaikat. Kita juga perlu berusaha sedaya upaya untuk mendekatkan diri dengan mereka melalui jalan menyucikan jiwa, membersihkan hati dan melakukan ibadat kepada Allah dengan khusyuk. Manusia yang mendekatkan diri dengan malaikat akan memperoleh ketinggian jiwa yang dapat direalisasikan dalam perlaksanaan amanat kehidupan dan memegang tampuk pimpinan khalifah Allah di muka bumi ini. Justeru itu beriman kepada malaikat adalah termasuk dalam kelakuan terpuji serta merupakan tanda-tanda kebenaran, kepercayaan dan ketakwaan (Amiruddin Faatih, 1996).

Beriman kepada malaikat merupakan perkara kedua yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW untuk diimani setelah beriman kepada Allah. Maksud beriman kepada malaikat ialah beriman bahawa malaikat adalah perantaraan Allah dan para rasul-Nya kepada umat manusia di dalam penurunan kitab-kitab suci-Nya serta menyampaikan perintah dan larangan-Nya (Zainudin Yusro, 1996). Kepercayaan kepada malaikat termasuk dalam perkara ghaib kerana malaikat tidak dapat disaksikan dengan mata serta disentuh oleh pancaindera dan hakikatnya amat susah untuk difahami oleh akal fikiran semata-mata. Justeru itu, keyakinan terhadap perkara ghaib merupakan petanda utama daripada orang-orang yang bertakwa kepada Allah (Harun Din, Sulaiman Yasin, 1988).

## **Jin**

Dinamakan jin kerana kejadiannya yang terlindung dan tersembunyi dari penglihatan manusia. Perkataan itu diambil daripada katakerja *janna* (al-Jazairi, 1986). Jin merupakan makhluk daripada api. Mereka secara seluruhnya atau sebahagian daripadanya mampu berubah-ubah dalam berbagai-bagai bentuk dan sifatnya yang biasa adalah tidak nampak. Manusia kadang-kadang dapat melihat mereka tetapi tidak dalam bentuknya yang asal kecuali para nabi sahaja yang dapat melihat mereka ini dalam bentuknya yang asli. Jin juga mampu melakukan pekerjaan-pekerjaan yang berat. Disebabkan jin merupakan makhluk yang berakal dan berkesedaran maka mereka dibebani kewajiban beriman kepada Rasulullah SAW dan terdapat dalam kalangan mereka yang beriman (Amiruddin Faatih, 1996). Firman Allah, bermaksud:

*Dan sesungguhnya ketika kami (jin) mendengar petunjuk (al-Quran), kami beriman kepadanya. Maka barang siapa beriman kepada Tuhan, maka tidak perlu dia takut rugi atau berdosa.*  
(al-Jin: 13)

Jin juga berkahwin seperti manusia dan mempunyai zuriat. Walaupun terdapat banyak riwayat mengatakan adanya perkahwinan di antara jin dan manusia tetapi ada pendapat yang membantah dengan alasan jin daripada unsur api sedangkan manusia daripada unsur yang empat iaitu udara, air, tanah dan api. Disebabkan adanya unsur api dalam tubuh jin maka sperma manusia tidak mungkin hidup dalam rahim jin yang berapi itu. Jawapannya, meskipun jin diciptakan daripada api tetapi tidaklah bermaksud mereka kekal dalam unsur apinya itu sebagaimana manusia sudah berubah daripada unsur tanah disebabkan makan, minum berkahwin dan berketurunan. Mengenai hukum berkahwin dengan jin sekumpulan ulama berpendapat tidak baik berkahwin dengan jin. Menurut Malik Ibn Anas Ibn Malik Ibn 'Amr, (m. 179/800) pula dibolehkan berkahwin dengan jin tetapi tidak digalakkan. Sebahagian ulama berpendapat haram hukumnya mengahwini jin kerana Allah sudah menentukan pasangan lelaki bangsa manusia daripada jenis mereka sendiri. Perkahwinan antara manusia dengan jin tidak mendatangkan ketenteraman dan tidak menimbulkan kasih sayang kerana berlainan jenis (Mustafa Asyur, 1995).

Semua agama sama ada agama samawi atau agama ciptaan manusia mengakui adanya jin dan mereka berada di sebalik alam fizikal ini serta



tidak dapat dilihat oleh mata manusia. Islam mewajibkan penganutnya beriman dengan kewujudan jin. Seseorang yang ingkar tentang kewujudannya dianggap kafir kerana mengingkari jin bermakna ingkar terhadap al-Quran. Kewujudan jin juga diakui dan dibenarkan dalam hadis.

Manusia daripada Adam as. Keturunan jin berasal daripada Jaan. Iblis merupakan jin daripada keturunan Jaan. Sebagaimana manusia, ada jin yang Islam dan ada yang kafir. Jin Islam akan dimasukkan ke syurga manakala yang kafir diazab dalam neraka (Muhammad Azizan Sabjan, 2006). Jin sememangnya tinggal di bumi bersama-sama manusia. Setiap tempat di bumi boleh menjadi tempat tinggal jin sebagaimana boleh menjadi tempat tinggal untuk manusia (Amiruddin Paatih, 1996). Kebiasaannya jin tinggal di tempat-tempat yang tidak dapat diduduki manusia seperti lembah bukit, gaung, hutan dan padang pasir. Secara umumnya mereka suka tinggal di tempat-tempat kotor dan bernajis di samping suka berkumpul di tanah-tanah perkuburan (Mustafa Asyur, 1995). Allah telah menentukan hukum dan membuat peraturan yang menghalang jin daripada mengganggu manusia. Hukum dan peraturan ini hanya diketahui oleh Allah sehinggakan jarang sekali jin menimbulkan gangguan dan menyusahkan manusia (Amiruddin Paatih, 1996).

Terdapat tiga pandangan mengenai makan atau tidaknya jin dan berpecah kepada empat jenis pendapat. Pendapat pertama mengatakan semua jin tidak makan dan minum. Pendapat kedua menyatakan hanya sebahagian daripada mereka yang makan dan minum. Pendapat ketiga mengatakan jin semuanya makan dan minum. Kumpulan ini berbeza pendapat tentang cara makan dan minum mereka. Pendapat yang mengatakan jin makan dengan cara mengunyah dan menelan adalah lebih kuat kerana disokong habis-habis sah (Mustafa Asyur, 1995). Manusia juga tidak mengetahui dengan jelas mengenai bahan yang dimakan oleh golongan jin ini. Walau bagaimanapun, Allah membekalkan kepada mereka bahan-bahan seperti tulang, tahi binatang ternak dan arang kayu sebagai rezeki untuk mereka (Zakaria Stapa, 1997). Hadis Rasulullah SAW bermaksud:

*Daripada Ibn Mas'ud juga menjelaskan: Tatkala satu rombongan jin datang mengunjungi Rasulullah SAW mereka berkata: "Wahai Rasulullah, tegahlah umatmu daripada melakukan istinja' dengan menggunakan tulang atau tahi binatang ternak atau arang kayu, sesungguhnya Allah jadikan bahan-bahan tersebut sebagai rezeki kami." Dengan itu, kata*

*Ibn Mas'ud, Rasulullah SAW telah menegah kami daripada berbuat demikian.*

(Hadith riwayat Abu Dawud)

## **Iblis**

Nama iblis diambil daripada perkataan *ablasa* yang bererti putus asa kerana ia telah berputus asa daripada rahmat Allah. Dikenali dengan nama 'Azazil (Ibn Manzur, 1955). Ada pendapat mengatakan iblis adalah ketua syaitan dan syaitan adalah golongan jin yang durhaka dan jahat. Iblis dan syaitan merupakan lambang keburukan sebagaimana malaikat lambang kebaikan. Iblis dan syaitan merupakan musuh Allah yang menyuruh manusia dan jin melakukan kejahatan sebagaimana malaikat merupakan tentera Allah yang mengarah manusia dan jin melakukan kebaikan (Ab. Aziz Mohd Zin, 1995). Firman Allah, maksudnya:

*(Allah) berfirman: "Apakah yang menghalangimu (sehingga) kamu tidak bersujud (kepada Adam) ketika Aku menyuruhmu?"*

*(Iblis) menjawab: "Aku lebih baik daripada dia. Engkau ciptakan aku daripada api sedangkan dia Engkau ciptakan daripada tanah."*

(al-A'raaf: 12)

Dalam ayat ini diterangkan sebab keengganan iblis untuk sujud kepada Nabi Adam as adalah kerana keangkuhannya yang merasakan kejadiannya lebih mulia daripada kejadian Nabi Adam as. Kemudian iblis memohon kepada Allah agar balasannya ditangguhkan hingga ke Hari Kiamat (Lutpi Ibrahim, 1993). Firman Allah bermaksud:

*(Iblis) menjawab: "Berilah aku penangguhan waktu, sampai hari mereka dibangkitkan." Allah berfirman: "Sesungguhnya kamu termasuk mereka yang diberi tangguh."*

(al-A'raaf: 14-15)

Selepas dia diberi tangguh sehingga tibanya Hari Akhirat maka dia berusaha untuk menipu Nabi Adam as dan isterinya agar melanggar perintah Allah dengan memakan buah yang diharamkan ke atas mereka. Semenjak itulah dia dipanggil syaitan.

Syaitan berusaha untuk memperdayakan manusia seluruhnya dengan berbagai-bagai cara dan peranan. Di antara nama-nama iblis yang terkenal bekerja keras untuk melakukan tugas dan peranan ini ialah anak

pertama *al-Thubur*, bertanggungjawab tentang segala maksiat (ujian kecelakaan); anak kedua *Zulfiyun*, tugasnya melahirkan perasaan hasad dengki dalam kalangan manusia; anak ketiga *Dasim* atau *Damis*, bertanggungjawab untuk menguasai manusia; anak keempat *al-A'war*, tugasnya memperdaya manusia agar melakukan zina; anak kelima *Masut*, tugasnya melahirkan perbalahan dan pertelingkahan dalam kalangan manusia; anak keenam *'Unmah*, tugasnya memancarkan air kencing di telinga bagi mencegah manusia daripada mengadakan sembahyang; anak ketujuh *al-Mutaqadi*, tugasnya menceritakan kepada orang ramai tentang kebaikan yang mereka lakukan secara rahsia dan anak kelapan *Kuhail*, bertugas untuk menghiaskan mata manusia agar mengantuk apabila mendengar khutbah atau syarahan agama (Lutpi Ibrahim, 1993).

Sebenarnya iblis dilaknat Allah bukan kerana Nabi Adam as tetapi kerana dia sendiri yang mengingkari perintah Allah. Buktinya semua malaikat patuh kepada perintah Allah dan mereka tetap pada darjat yang mulia dan tinggi. Ketika Allah menyuruh para malaikat supaya sujud kepada Nabi Adam as, taraf iblis semasa itu adalah sama dengan malaikat. Ilmunya luas dan mendalam, hampir kepada Allah dan bebas terbang seperti malaikat.

Kesalahan utama yang menjadi sasaran dan paling disukai syaitan adalah kufur dan syirik kerana ianya merupakan dosa yang paling berat dan tidak akan diampuni Allah. Syaitan bercita-cita agar manusia itu menjadi syirik. Apabila syaitan tidak berjaya menjatuhkan manusia kepada kekufuran, dia berusaha mencari dosa yang paling berat selain syirik. Dosa yang paling besar selain syirik ialah mengerjakan bidaah iaitu mengerjakan ibadat yang tidak diajarkan di dalam al-Quran dan hadis. Syaitan berusaha keras supaya ramai manusia melakukan amalan bidaah.

Jika syaitan tidak juga berhasil mengkafirkan manusia dan mempengaruhi mereka supaya mengerjakan amalan bidaah, maka dia mencari kesalahan ketiga iaitu melakukan maksiat sama ada dosa besar atau kecil. Selain daripada berusaha memperdaya manusia agar mengerjakan tiga jenis kesalahan tadi, syaitan juga gigih menghalang manusia daripada beribadat. Sekiranya dia sudah berusaha menghalang manusia daripada mengerjakan ibadat tetapi gagal maka dia berusaha pula mengganggunya semasa mereka melakukan ibadat tersebut.

Cara terbaik menghadapi dan mengatasi gangguan syaitan ialah dengan memohon perlindungan kepada Allah sama ada semasa membaca al-Quran, masuk tandas atau bilik air, sebelum tidur dan berjimak. Di antara surah al-Quran yang dapat menghindari daripada gangguan syaitan ialah surah *al-Faatihah*, *al-Baqarah*, *Ali 'Imran*: 18, *al-A'raaf*: 54,

*al-Mu'minuun*: 115-118, *ash-Shaaffaat*: 1-10, *al-Hasyr*: 23-24, *al-Jin*: 3, *al-Ikhlâs*, *al-Falaq* dan *an-Naas* (Mustafa Asyur, 1995).

## Makhluk Termulia Antara Malaikat dan Nabi

Persoalan mengenai adakah para malaikat lebih mulia kedudukannya daripada para nabi telah menimbulkan perdebatan pendapat di antara dua aliran mazhab akidah iaitu aliran Muktazilah dan Asya'irah.

Aliran Muktazilah yang banyak menggunakan akal fikiran berpendapat bahawa para malaikat lebih mulia daripada para nabi. Mereka berhujah berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*Al-Masih sama sekali tidak enggan menjadi hamba Allah, dan begitu pula para malaikat yang terdekat (kepada Allah.) Dan barang siapa enggan menyembah-Nya dan menyombongkan diri, maka Allah akan mengumpulkan mereka semua kepada-Nya.*

(an-Nisaa': 172)

Dalam pentafsiran ayat ini, Muktazilah memfokuskan kepada firman Allah yang bermaksud: "*Dan tidak pula enggan malaikat-malaikat yang terdekat*". Mereka menafsirkan bahawa malaikat-malaikat yang lebih mulia daripada Nabi Isa as tidak pula engkar menjadi hamba Allah. Menurut aliran ini, huraian ini berasaskan kepada dua aspek. Pertama, berasaskan kepada ilmu bahasa. Kedua, ayat ini diturunkan untuk menentang dakwaan orang Kristian yang mengangkat kedudukan Nabi Isa as melebihi kedudukan hamba. Berdasarkan sebab turun ayat ini, maka perlu difahami meskipun para malaikat yang mulia dan taat beribadat kepada Allah tidak terlepas daripada pengertian *hamba*, maka lebih-lebih lagi Nabi Isa as. Daripada pentafsiran tersebut menjelaskan bahawa aliran Mu'tazilah menentang konsep Nabi Isa as lebih mulia daripada malaikat (Lutpi Ibrahim, 1993).

Begitu juga dengan firman Allah yang bermaksud:

*Maka ketika perempuan itu mendengar cercaan mereka, diundangnyalah perempuan-perempuan itu dan disediakan tempat duduk bagi mereka, dan kepada masing-masing mereka diberikan sebilah pisau (untuk memotong jamuan), kemudian dia berkata (kepada Yusuf): "Keluurlah (tampakkanlah dirimu) kepada mereka". Ketika perempuan-perempuan itu melihatnya,*

*mereka terpesona kepada (keelokan rupa)nya, dan mereka (tanpa sedar) melukai tangannya sendiri. Seraya berkata: “Maha Sempurna Allah, ini bukanlah manusia. Ini benar-benar malaikat yang mulia.”*

(Yusuf: 31)

Mereka memusatkan kepada firman Allah yang bererti: “*Ini benar-benar malaikat yang mulia*”. Aliran ini merujuk bahawa kecantikan tubuh Nabi Yusuf as menyebabkan ramai wanita terpegun tatkala mereka terpandang kepada gaya bentuk tubuhnya yang mempesonakan itu. Mereka menafikan sifat kemanusiaan pada diri Nabi Yusuf as dan menegaskan bahawa kecantikan pada baginda as bukan merupakan kecantikan yang terdapat pada manusia tetapi terdapat pada malaikat. Mereka juga menekankan bahawa tiada kecantikan yang lebih cantik dan mulia daripada malaikat sebagaimana tidak wujud kejadian yang lebih buruk dan keji selain daripada iblis (Lutpi Ibrahim, 1993).

Firman Allah bererti:

*Kemudian syaitan membisikkan fikiran jahat kepada mereka agar menampakkan aurat mereka (yang selama ini ) tertutup. Dan syaitan berkata: “Tuhanmu hanya melarang kamu berdua mendekati pohon ini, agar kamu berdua tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi orang yang kekal (dalam syurga).”*

(al-A’raaf: 20)

Tafsiran rasional aliran Muktazilah adalah berkaitan dengan kejahatan iblis memperdayakan Nabi Adam as dan isteri baginda as iaitu Hawa supaya memakan buah larangan. Menurut iblis sebab Allah melarang buah itu dimakan sebagaimana berbunyi dalam ayat itu sendiri “*agar kamu berdua tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi orang yang kekal (dalam syurga)*”. Menurut pendapat Muktazilah, Nabi Adam as telah memahami bahawa dengan menjadi malaikat kedudukan baginda as akan menjadi lebih mulia daripada sebagai seorang nabi. Justeru itu Muktazilah menegaskan bahawa keinginan Nabi Adam as dan tindakan baginda melanggar perintah Allah menunjukkan bahawa malaikat adalah lebih mulia daripada manusia.

Majoriti ulama Asya’irah berpendapat bahawa nabi lebih mulia daripada malaikat. Mengenai firman Allah dalam surah an-Nisaa’: 172, Asya’irah memfokuskan kepada sebab penurunan ayat tersebut. Menurut aliran ini, ayat tersebut bertujuan untuk menolak tindakan orang yang menyembah Nabi Isa as serta orang yang menyembah malaikat dan

bukannya menolak konsep penganut Kristian yang mengangkat Nabi Isa as daripada darjat kemanusiaan. Aliran ini menegaskan bahawa pentafsiran Muktazilah terhadap ayat tersebut merupakan suatu penyelewengan daripada peringatan ayat yang sebenarnya.

Mengenai firman Allah dalam surah Yusuf: 31 pula, aliran Asya'irah turut mengakui kecantikan Nabi Yusuf as yang luar biasa sehinggakan kecantikan tersebut telah mempesonakan wanita-wanita lalu mempercayai bahawa Nabi Yusuf as adalah malaikat. Meskipun begitu aliran ini menegaskan bahawa hujah-hujah yang diberikan oleh aliran Muktazilah tidak mencukupi untuk menyokong pendapat mereka yang menyatakan bahawa malaikat lebih mulia daripada nabi (Lutpi Ibrahim, 1993).

Golongan Asya'irah juga menolak pentafsiran Muktazilah di dalam surah al-A'raaf 7: 20 yang merujuk kepada keinginan Nabi Adam as dan isterinya Hawa untuk menjadi malaikat sebagai bukti kemuliaan malaikat daripada nabi bahkan keinginan tersebut tidak berlaku. Walau bagaimanapun Asya'irah mengakui bahawa ayat tersebut memberi implikasi bahawa malaikat lebih mulia daripada Nabi Adam as tetapi menyedari kata-kata tersebut hanyalah merupakan satu cerita yang dikaitkan dengan iblis maka ayat tersebut tidak dapat menyokong pendapat aliran Muktazilah.

Firman Allah yang bermaksud:

*Dan sungguh, Kami telah memuliakan anak cucu Adam, dan Kami angkut mereka di darat dan di laut, dan Kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka di atas banyak makhluk yang Kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna.*

(al-Israa': 70)

Mengenai ayat ini, sebahagian Asya'irah mengakui bahawa malaikat lebih mulia daripada nabi. Sebahagian lagi mengakui malaikat yang mempunyai pancaindera sahaja lebih mulia daripada nabi. Pendapat ini berbeza dengan pendapat Muktazilah yang menyatakan bahawa semua malaikat adalah lebih mulia daripada nabi. Asya'irah juga berhujah mengenai firman Allah yang bererti:

*(Allah) berfirman: "Wahai iblis, apakah yang menghalangi kamu sujud kepada yang telah Aku ciptakan dengan kekuasaanKu. Apakah kamu menyombongkan diri atau kamu (merasa) termasuk golongan yang (lebih) tinggi?"*

(Shaad: 75)



Sikap mereka terhadap pendapat Muktazilah mengenai keengganan iblis untuk sujud kepada Nabi Adam as dalam ayat ini adalah berdasarkan kepada pendapat mereka bahawa Nabi Adam as lebih mulia daripada sebahagian malaikat. Hujah lain adalah mengenai kejadian baginda as yang mempunyai nafsu dan sebagainya yang menurut pendapat mereka lebih mulia daripada para malaikat. Menurut Asya'irah, melakukan sujud memberi implikasi kerendahan sebagaimana rendahnya darjat para malaikat yang diperintahkan sujud kepada Nabi Adam as.

Kesimpulannya Asya'irah berpendapat bahawa para nabi lebih mulia daripada para malaikat walaupun terdapat malaikat yang lebih mulia daripada Nabi Adam as, sebagaimana juga Nabi Adam as lebih mulia daripada malaikat yang sujud kepadanya. Dengan ini aliran Asya'irah menolak pendapat aliran Muktazilah yang mengatakan bahawa para malaikat lebih mulia daripada para nabi. Asya'irah mengakui bahawa sebahagian malaikat lebih mulia daripada Nabi Adam as dan sebahagian malaikat lebih rendah darjat mereka daripada Nabi Adam as (Lutpi Ibrahim, 1993).

## **Peranan Malaikat dalam Peperangan**

Abu 'Abdullah Muhammad Ibn 'Omar Ibn Waqid al-Aslami (m. 207/822) dalam menjelaskan bahawa para malaikat benar-benar memainkan peranan penting dalam peperangan. Di antaranya telah dibuktikan oleh seorang sahabat Rasulullah SAW di dalam Peperangan Badar (tahun 2H). Beliau yang dahulunya seorang musyrik daripada Bani Ghaffar telah berlindung bersama sepupunya di atas bukit di akhir Peperangan Badar. Tiba-tiba terdengar suara berkata: "*Aqdim Haizum*" yang bererti seranglah wahai Haizum! di balik timbunan awan yang sedang mendekatinya. Sepupunya terus mati dan beliau sendiri hampir turut serta. Perkataan ini telah dikemukakan kepada Rasulullah SAW: "*Siapakah orang yang berkata aqdim Haizum?*" Rasulullah SAW bertanya Jibril. Beliau menjawab: "*Saya tidak mengetahui kesemua penghuni.*" Jawapan Jibril menunjukkan bahawa suara itu memang benar datangnya daripada malaikat tetapi beliau tidak mengenalinya. Pertanyaan Rasulullah SAW adalah untuk menentukan siapakah di antara malaikat yang berkata demikian. Ibn al-Manzur menerangkan "*aqdim Haizum*" bererti seorang atau sekumpulan malaikat menyuruh kudanya yang bernama Haizum menyerang tentera musyrikin di Peperangan Badar. Mereka berpakaian putih dan menurut sumber lain berpakaian kuning (Lutpi Ibrahim, 1993).

Riwayat lain disampaikan oleh sahabat Rasulullah SAW, Abu Daud al-Muzani yang juga terlibat dalam Peperangan Badar. Beliau menyatakan bahawa ketika Perang Badar beliau mengikuti seorang musyrik untuk membunuhnya tetapi kepala musyrik tersebut terpenggal terlebih dahulu sebelum pedangnya menyentuh kepala musyrik tersebut (Mohd Shauki, 2004).

Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari (m. 310/923) menyatakan pakaian para malaikat di Peperangan Badar berwarna putih sementara di Peperangan Hunain berwarna kuning. Tentera Islam tidak memakai pakaian seragam dalam peperangan. Berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud: *"Sesungguhnya para malaikat telah menggunakan 'tanda seragam' dalam peperangan, maka hendaklah kamu pula berbuat demikian,"* menunjukkan bahawa para malaikat terlibat sama dalam peperangan menentang tentera musyrikin serta berkemungkinan tindakan menggunakan tanda atau pakaian seragam adalah berpunca daripada penyertaan para malaikat dalam pertempuran dengan menggunakan pakaian seragam bagi melicinkan operasi mereka.

Al-Tabari mempamerkan sokongannya tentang kebenaran penyertaan malaikat dalam Peperangan Badar dan Hunain (al-Tabari, 1960). Al-Baydawi pula berpendapat bahawa para malaikat bukan sahaja turut berperang menentang tentera musyrikin dalam Peperangan Badar malahan dalam Peperangan Ahzab dan Hunain juga (Al-Baydawi, t.t.). Al-Qadi 'Abd al-Jabbar Ibn Ahmad al-Mu'tazili (m. 414/1023) mengemukakan pendapat yang berbeza. Beliau menyatakan peranan para malaikat dalam peperangan ialah dengan cara memberi kekuatan kepada tentera Islam bukannya mereka yang berperang menentang tentera musyrikin dalam erti kata yang sebenarnya (Lutpi Ibrahim, 1993). Al-Zamakhshari mempunyai pendapat yang hampir sama. Beliau menyatakan peranan para malaikat dalam peperangan adalah dengan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati orang musyrikin Quraisy (al-Zamakhshari, 1987).

Tiada percanggahan pendapat dalam kalangan ulama mengenai peranan para malaikat dalam peperangan, cuma perkara yang menjadi pokok persoalan dan perbincangan ialah bentuk peranan yang dimainkan. Bagi golongan rasionalis berpendapat bahawa peranan malaikat hanyalah dengan memberi kekuatan moral kepada tentera Islam sementara golongan yang berpegang kepada pendapat yang diterima umum menegaskan bahawa peranan para malaikat dalam peperangan adalah merupakan penyertaan secara langsung iaitu penyertaan yang terjadi dalam ertikata yang sebenarnya (Lutpi Ibrahim, 1993).

## **Iblis daripada Jenis Malaikat atau Jin**

Persoalan adakah iblis daripada jenis malaikat ataupun tidak telah menimbulkan perselisihan pendapat di antara beberapa golongan ilmu kalam. Walau bagaimanapun punca perselisihan ini kembali di antaranya kepada *istithna'* (pengecualian) yang terdapat dalam firman Allah, maksudnya:

*Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam!" Maka mereka pun sujud kecuali iblis. Dia menolak dan menyombongkan diri dan dia termasuk golongan yang kafir.*

(al-Baqarah: 34)

Golongan pertama berpendapat bahawa iblis adalah daripada malaikat. Hujah mereka ialah sekiranya iblis bukan daripada malaikat nescaya Allah tidak memerintahkan supaya sujud kepada Nabi Adam dan *istithna'* di dalam ayat tersebut adalah tidak sah.

Golongan kedua pula berpendapat bahawa iblis bukanlah daripada malaikat, di antara hujah mereka ialah:

Pertama, sekiranya iblis daripada jenis malaikat nescaya dia tidak mengingkari perintah Allah kerana malaikat tidak pernah menderhaka Allah sebagaimana firman-Nya bermaksud:

*Mereka takut kepada Tuhan (yang berkuasa) di atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka).*

(an-Nahl: 50)

Kedua, malaikat daripada cahaya dan iblis daripada api sebagaimana diperkatakan oleh iblis di dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

*Engkau ciptakan aku daripada api, sedangkan dia Engkau ciptakan daripada tanah.*

(al-A'raaf: 12)

Dengan itu mereka menegaskan bahawa sekiranya iblis daripada malaikat nescaya dia berkata: *Engkau ciptakan aku daripada cahaya, sedangkan dia Engkau ciptakan daripada tanah.* Sayyidatina 'Aisyah ra meriwayatkan daripada Rasulullah SAW mengenai kejadian malaikat daripada cahaya dan jin daripada api.

Ketiga, berdasarkan kepada firman Allah bermaksud:

*Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam!" Maka mereka pun sujud kecuali iblis, Dia adalah daripada golongan jin, maka dia mendurhakai perintah Tuhannya.*

(al-Kahfi: 50)

Ayat ini menerangkan bahawa iblis daripada jin dan dia enggan untuk sujud kepada Nabi Adam as disebabkan oleh kefasikan dan kesesatannya.

Keempat, malaikat tidak berkahwin dan tidak mempunyai zuriat, berbeza dengan iblis yang berkahwin dan mempunyai zuriat. Firman Allah yang bererti:

*Pantaskah kamu menjadikan dia dan keturunannya sebagai pemimpin selain Aku, padahal mereka adalah musuhmu?*

(al-Kahfi: 50)

Manakala golongan yang ketiga menyatakan bahawa iblis asalnya daripada jin yang tergolong daripada jenis malaikat. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada riwayat Ibn Abbas yang menyatakan bahawa segolongan daripada malaikat beranak pinak. Mereka dikenali dengan jin dan daripada mereka ini termasuklah iblis. Dalam kalangan malaikat juga terdapat yang tidak maksum walaupun kebanyakan daripada mereka memiliki sifat 'ismah sepertimana terdapat juga dalam kalangan manusia orang yang maksum meskipun pada kebiasaannya mereka tidak maksum. Golongan ini juga berpendapat bahawa tidak ada perbezaan di antara kejadian malaikat dan iblis daripada segi zat mereka berbeza daripada segi sifat. Bagi menjelaskan konsep ini mereka menghuraikan pengertian *nur* dan *nar*. Mereka menyatakan *nur* adalah cahaya jauhar yang terang dan *nar* pula adalah cahaya yang malap bercampur dengan asap dan ianya akan menjadi nur apabila ditapis (Lutpi Ibrahim, 1993).

Berdasarkan kepada pandangan ketiga-tiga golongan ini dapat dirumuskan bahawa malaikat dijadikan daripada cahaya manakala jin daripada api. Iblis daripada keturunan jin yang dijadikan daripada api.

## **Kesimpulan**

Alam ciptaan Allah terbahagi kepada dua iaitu alam nyata atau alam ghaib. Setiap alam ini mempunyai penghuni. Alam nyata dihuni oleh makhluk kasar iaitu manusia manakala alam ghaib dihuni oleh malaikat dan jin yang merupakan makhluk halus. Terdapat perbezaan antara kedua

kategori makhluk ini. Makhluk kasar boleh dilihat dan disentuh oleh pancaindera berbanding dengan makhluk halus yang tidak dapat dilihat atau disentuh oleh pancaindera. Allah menciptakan manusia daripada tanah, malaikat daripada cahaya dan jin daripada api. Manusia, malaikat dan jin masing-masing memikul peranan dan tanggungjawab kepada Allah. Allah memilih dalam kalangan manusia untuk disampaikan wahyu dengan perantaraan malaikat. Nabi adalah individu yang menerima perintah untuk dirinya sendiri dan tidak diarah untuk menyampaikannya kepada orang lain. Tugas manusia adalah sebagai hamba dan khalifah di atas muka bumi ini. Malaikat merupakan makhluk yang sentiasa melaksanakan tugas dalam alam semesta dan yang berkaitan dengan manusia di samping mempunyai pekerjaan tersendiri dalam alam roh. Jin sebagaimana manusia juga dipertanggungjawab untuk beriman dan melaksanakan ibadat. Jin dan manusia ada yang beriman dan ada yang kafir, mereka akan dibalas dengan ganjaran syurga atau seksaan neraka. Iblis daripada keturunan jin. Persengketaan antara iblis dan manusia bermula sejak zaman Nabi Adam as. Iblis menggunakan pelbagai tipu daya untuk menjerumuskan manusia kepada syirik, bidaah dan maksiat. Manusia seharusnya menyedari permusuhan iblis dengan mereka dan berusaha menjauhkan diri daripada terpedaya dengan hasutannya dengan meningkatkan iman dan takwa.

## **Bibliografi**

Al-Quran al-Karim.

*Al-Quran dan terjemahnya (Rasm Uthmani)*. (2007). Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.

Ab. Aziz Mohd. Zin. (1995). *Keagungan pencipta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Al-Baghdadi, Abu Mansur ‘Abd al-Qahir Ibn Tahir al-Tamimi. (1980). *Kitab usul al-din*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Baydawi, Abu Muhammad Ibn ‘Umar Ibn Muhammad Ibn ‘Ali. (t.t.). *Anwar al-Tanzil wa-Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. (1986). *Aqidatul mukmin*. Jilid 1. Terjemahan H.Salahuddin Abdullah. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. (1986). *Akidah orang yang beriman*. Terjemahan Ismail bin Mohd. Hassan. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Al-Khazin, 'Ala'ud-Din Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibrahim al-Baghdadi. (1995). *Tafsir al-Khazin al-musamma li-bab al-ta'wil fi ma'ani al-tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Maududi, Abu'l A'la. (1988). *Asas-asas Islam*. Terjemahan H.O.K. Rahmat. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Maududi, Abu'l A'la. (1986). *Asas dan prinsip peradaban Islam*. Terjemahan Halimuddin SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Nasafi, 'Abdullah Ibn Ahmad. (2000). *Tafsir al-Nasafi Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad. (1952 ). *Al-Jami' li-ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Kitab 'Arabi.
- Al-Razi, Fakhr al-Din. (1978). *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Fikr.
- Al-Sya'rani, Ahmad Ibn Abd al-Wahab. (1959). *Al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayan 'Aqaid al-Akabar*. Kaherah: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa Babi wa auladuh.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. (1960). *Tafsir al-Tabari: jami' al-bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an*. Mesir: Dar Ma'arif.
- Al-Tabataba'i, Muhammad Husayn. (1973). *Al-Mizan fi tafsir al-Quran*. Beirut: Muassasah A'lami Matbu'at.
- Al-Tahawi, 'Ali Ibn 'Ali Ibn Abi al-'Izz Ahmad Ibn Muhammad al-Tahawi. (1983). *Sharh al-'Aqidah al-Tahawiyah*. Beirut: Maktab al-Islami.



- Al-Zamakhshari, Abu Qasim Jar Allah Mahmud Ibn ‘Omar. (1987). *Al-Kashshaf ‘an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Kaherah: Dar Riyan Turath.
- Amiruddin Faatih. (1996). *Meneroka alam ghaib*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd.
- Harun Din, Sulaiman Yasin. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ibn Durayd, Muhammad Ibn al-Hasan. (1932). *Faharis Kitab al-Jamharah*. Haydar Abad al-Dakan: Majlis Da’irat al-Ma’arif al-‘Uthmaniyyah.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman Ibn Muhammad. (t.t.). *Mukaddimah*. Kaherah: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ ‘Imaduddin Ismail Ibn ‘Omar. (t.t.). *al-Bidayah wa al-nihayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (1955). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sader.
- Lutpi Ibrahim. (1993). *Antologi pemikiran Islam*. Shah Alam, Selangor: Penerbit HIZBI.
- Mohd Shauki Abd Majid. (2004). *Wacana Hadhari dalam Islam*. Shah Alam, Selangor: Anzargain Sdn. Bhd. Dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara.
- Mohd Sulaiman bin Hj. Yasin (Penyusun). (1997). *Aqidah Muslim*. Buku 2 (Mengenai Kenabian). Bangi, Selangor: Yayasan Salman
- Muhammad Azizan Sabjan. (2006). *Prosiding Seminar Meneroka Alam Jin*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mustafa Asyur. (1995). *Alam jin dan syaitan serta cara mengatasi gangguannya*. Terjemahan Drs. Syahrin Nasution. Kuala Lumpur: Darul Nu’mam.

Zainudin Yusro (Penyusun). (1996). *Mengenai malaikat*. Johor Bahru, Johor: Penerbitan al-Masyhur Sdn. Bhd.

Zakaria Stapa. (1997). Kepercayaan kepada yang ghaib: Tumpuan khusus kepada peranan makhluk jin dalam kehidupan makhluk manusia. *Jurnal Usuluddin*, 7.